

**Sejarah Persempadanan Kelantan-Patani: Kesannya kepada Evolusi Ketamadunan Islam dan
Politi Melayu Semenanjung**
*(The History of Kelantan-Patani Border Delineation: Its Effects to the Islamic Civilisational
Evolution of Malay Peninsula Politics)*

Nizamuddin Alias* & Haniff Ahamat**

Abstrak

Persempadanan Kelantan-Patani telah ditentukan oleh Perjanjian Inggeris-Siam 1909. Perjanjian ini telah mengubah sempadan Kelantan-Patani sebelumnya dengan memasukkan tebing barat Sungai Golok ke dalam Thailand (Patani) dan memasukkan daerah Jeli ke dalam wilayah Malaysia (Kelantan). Oleh sebab itu kajian ini meletakkan beberapa objektif. Yang pertama, ia mengkaji kepentingan sungai kepada politi Melayu secara umum dan mengaitkannya dengan Sungai Golok. Kedua, makalah ini menyelidiki apakah kedudukan sempadan barat Kelantan sebelum 1909. Ketiga, makalah ini membincangkan proses persempadanan Kelantan-Patani melalui Perjanjian Inggeris-Siam 1909. Keempat, makalah ini menganalisa kesan persempadanan Kelantan-Patani ke atas evolusi politi Tanah Melayu. Metod penyelidikan yang digunakan ialah kaedah *black letter law* dan kaedah sejarah perundangan (*legal history*). Bahan-bahan yang dianalisa termasuklah Perjanjian Inggeris-Siam 1909, buku dan bahan bertulis sejarah lain yang merujuk kepada rundingan penentuan garis sempadan Kelantan-Patani serta koresponden diplomatik antara pegawai Siam dan British. Pengajaran yang terhasil daripada kajian ini ialah penyusunan dua-hala antara British dan Siam bukan sahaja berkisar tentang penentuan, pengambilan dan kehilangan wilayah oleh kedua-dua negara tetapi juga telah mengasingkan Patani daripada ranah peradaban politi Melayu Semenanjung, dan seterusnya menghasilkan akibat tidak diingini yang berpunca daripada kegagalan British mengambil kira faktor budaya dan peradaban tempatan ketika proses persempadanan tersebut berlaku.

Kata kunci: Politi Melayu, Perjanjian Anglo-Siam 1909, Persempadanan Kelantan-Patani, sejarah perundangan antarabangsa, evolusi ketamadunan Islam

Abstract

The Kelantan-Patani border was determined through the Anglo-Siamese Treaty 1909. The treaty changed the previous border of the two states by giving the west bank of Golok River to Thailand (Patani), while giving the district of Jeli to Malaysia (Kelantan). This article intends to study a few objectives. They are inter alia, firstly to study the importance of rivers to Malay politics in general and to see its relations to Golok River. Secondly, this article studies the western part of Kelantan border before the 1909 treaty. Thirdly, this article also explains the border delineation process which was determined by the Anglo-Siamese 1909 Treaty. Fourthly, the article analyses the effects of Kelantan-Patani border delineation to the evolution of Malay Peninsula politics. The method of the research involves black letter law method and legal history method. Documents analysed include the Anglo-Siamese Treaty 1909, books, historical documents related to the negotiations in Kelantan-Patani border delineation process, as well as diplomatic correspondence between the British and Siamese officials. The study finds that the reorganisation process done by Britain and Siam did not only comprise the determination, acquisition and territorial losses by both powers, but also isolated Patani from other Malay Peninsula politics. Moreover, it brought unintended consequences due to the British failure in considering Malay civilisation and cultural factors in the process of determining the border delineation.

Keywords: Malay Politics, Anglo-Siamese Treaty 1909, Kelantan-Patani Border Delineation, History of International Law, Islamic civilizational evolution

* Nizamuddin Alias (PhD), Lecturer, Faculty of Human Sciences, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak, Malaysia. Email: nizamuddin@fsk.upsi.edu.my.

** Haniff Ahamat (corresponding author) (PhD), Associate Professor, Faculty of Law, The National University of Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia. Email: haniff@ukm.edu.my.

Pendahuluan

Sebelum abad ke-19, boleh dikatakan tiada garis sempadan yang nyata di Negeri-negeri Melayu. Sesebuah negeri lazimnya dibentuk apabila seorang raja menguasai sebuah lembangan sungai utama atau beberapa buah lembah sungai. Jika dilihat dari sudut bahasa, 'sempadan' bermaksud batas, takat atau had. Perkataan 'persempadanan' pula membawa maksud hal ehwal yang berkaitan dengan sempadan seperti penentuan persempadanan.¹ Dalam era moden, sesebuah negara perlu mempunyai sempadan yang *well-defined* dan sejumlah penduduk atau dengan lebih tepat warga negara yang tetap. Persoalan persempadanan yang bermula sebagai satu fakta sejarah akan memberikan kesan berpanjangan kepada negara, wilayahnya dan sesiapa yang tinggal di dalamnya. Mereka yang tinggal di situ adalah manusia. Maka sudah tentulah keadaan geografi sesuatu tempat itu akan berkait dengan mereka serta mempengaruhi kehidupan mereka.

Dalam konteks Kelantan, sempadannya dengan Patani adalah asas kepada sempadan antarabangsa entiti yang muncul pasca penjajahan (iaitu Malaysia dan Thailand). Patani ketika ia masih merdeka merupakan sebuah Negeri Melayu yang terletak bersebelahan Negeri Kelantan. Namun, setelah dipecah-pecahkan oleh Siam, Provinsi Pattani di bawah Thailand sekarang mempunyai saiz kawasan yang jauh lebih kecil dan terletak lebih ke utara, serta tidak lagi bersempadan dengan Kelantan. Kawasan wilayah Kelantan juga berubah. Perubahan-perubahan yang berlaku ini berpunca daripada aturan-aturan yang dibuat oleh British dan Siam tanpa merujuk kepada pemerintah tempatan. Aturan-aturan ini termasuklah Perjanjian Inggeris-Siam 1909.²

Makalah ini ditulis untuk memenuhi objektif- objektif berikut. Yang pertama, ia mengkaji kepentingan sungai kepada politi Melayu secara umum dan mengaitkannya dengan Sungai Golok. Kedua, makalah ini menyelidiki apakah kedudukan sempadan barat Kelantan sebelum 1909. Ketiga, makalah ini membincangkan proses persempadanan Kelantan-Patani melalui Perjanjian Inggeris-Siam 1909. Keempat, makalah ini menganalisa kesan persempadanan Kelantan-Patani ke atas evolusi politi Tanah Melayu. Metod penyelidikan yang digunakan dalam penulisan ini ialah kaedah *black letter law* dan kaedah sejarah perundangan (*legal history*). *Black letter law* merujuk kepada kaedah menganalisa prinsip undang-undang daripada sumber-sumber undang-undang yang diiktiraf (terutamanya undang-undang bertulis) dan mengaplikasikannya kepada sesuatu keadaan. Kaedah sejarah perundangan pula ialah sebahagian daripada kaedah sosio-perundangan yang mengkaji peristiwa atau fakta sejarah yang mempengaruhi pembentukan sesuatu prinsip, hak dan tanggung jawab perundangan. Perbezaan wujud di antara penyelidikan undang-undang antarabangsa dan undang-undang domestik. Bagi undang-undang antarabangsa, terdapat lebih banyak *fluidity* antara perbahasan berteraskan undang-undang dan yang tidak berteraskan undang-undang (*legal and non-legal discourse*). Justeru terdapat lebih banyak ruang untuk memperihalkan peristiwa bersejarah seperti Perjanjian Inggeris-Siam 1909, dan mengaitkannya dengan organisasi politik yang menjadi asas kepada Malaysia.

Kepentingan Sungai kepada Politi Melayu Secara Umum dan Kaitannya dengan Sungai Golok

Perkataan politi merujuk kepada bentuk atau proses pembentukan satu pemerintahan atau kerajaan sesebuah bangsa atau negara.³ Istilah atau frasa politi Melayu telah digunakan dalam pelbagai bentuk. Contohnya politi Melayu telah difahami sebagai kekuasaan orang Melayu dalam dinamika politik Malaysia.⁴ Ia juga disebut sebagai bentuk pemerintahan oleh raja Melayu,⁵ atau dalam konteks yang lebih dekat dengan matlamat penulisan ini ia merujuk kepada evolusi pemerintahan peribumi di Alam Melayu.⁶ Politi Melayu moden dikatakan bermula daripada pengunduran raja Melaka apabila ia ditakluk

¹ Dewan Bahasa dan Pustaka (2019), *Kamus Dewan Edisi Ketiga*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1234.

² Treaty between the United Kingdom and Siam, Signed at Bangkok March 10, 1909, Treaty Series Bil. 19, 1909.

³ Collins (t.t.), "polity," <https://www.collinsdictionary.com/dictionary/english/polity>.

⁴ James Chin (2020), "Malaysia: the 2020 Putsch for Malay Islam Supremacy," *The Round Table*, Jil. 109, Bil. 3, h. 288-297; Danial Yusof (2021), "Muslims in Malaysia," dalam Ronald Lukens-Bull dan Mark Woodward (ed.), *Handbook of Contemporary Islam and Muslim Lives*, Cham: Springer International Publishing, h. 575-594.

⁵ A. C. Milner (1987), "Colonial Records History: British Malaya," *Modern Asian Studies*, Jil. 21, Bil. 4, h. 773-792.

⁶ Timothy Norman Harper (1999), *The End of Empire and the Making of Malaya*, Cambridge: Cambridge University Press; George Coedes and Louis-Charles Damais (1992), *Sriwijaya: History, Religion & Language of an Early Malay Polity*, Kuala Lumpur: Malaysian Branch Royal Asiatic Society.

Sejarah Persempadanan Kelantan-Patani dan Kesannya kepada Evolusi Politi Melayu Semenanjung
Portugis sehinggalah kepada perkembangan negeri-negeri Melayu moden di Semenanjung Tanah Melayu dan pantai timur Sumatera.⁷

Sempadan negeri-negeri Melayu pada zaman dahulu dipengaruhi oleh faktor alam semulajadi seperti hutan belantara, paya dan laut.⁸ Namun, apa yang lebih penting, negeri-negeri Melayu tidak boleh dipisahkan daripada sungai. Hampir kesemua negeri-negeri Melayu mendapat nama daripada sungai. Dalam kata lain, sungai menjadi teras kewujudannya. Hal ini dapat dilihat dalam kes Perak, Pahang dan Kelantan yang memiliki sebuah lembangan sungai yang utama. Negeri-negeri seperti Terengganu, Kedah, Selangor dan Johor mempunyai beberapa buah lembangan sungai tetapi negerinya dikenali dengan salah satu sungai yang ada di dalam negeri tersebut. Sultan atau Raja lazimnya bersemayam di muara sungai yang memberi nama negeri berkenaan. Terdapat pengecualian iaitu Negeri Sembilan kerana faktor sejarah yang berbeza.⁹

Faktor-faktor yang menjadikan sungai berperanan penting dalam kehidupan sebuah negeri Melayu adalah seperti berikut. Yang pertama ialah keadaan bentuk muka bumi Semenanjung Tanah Melayu yang dipisahkan oleh Banjaran Titiwangsa serta tanah tinggi yang lain seperti Banjaran Nakawan, Banjaran Kedah-Senggora, Banjaran Bintang, Banjaran Keledang, Tanah Tinggi Terengganu dan Banjaran Benom. Kedudukannya di Garisan Khatulistiwa menyebabkan iklim yang panas dan lembab. Justeru, Semenanjung Tanah Melayu mempunyai hutan tebal yang menyukarkan pergerakan manusia. Pada masa yang sama, banjaran-banjaran mempunyai legih yang bertindak sebagai punca air kepada sungai-sungai yang mencorakkan identiti dan kehidupan negeri-negeri Melayu.

Sungai merupakan jalan perhubungan dan perdagangan yang mustahak pada ketika itu.¹⁰ Sungailah yang membolehkan barangan dari hulu sungai diangkut keluar untuk diperdagangkan. Sungai juga membolehkan barangan import dan barangan yang dikeluarkan di tepi pantai seperti ikan oleh nelayan, dibawa dan dijual di kawasan pedalaman. Ini berlaku di Kelantan pada abad ke-19 di mana barangan tersebut bukan sahaja dijual di Kota Bharu tetapi dibawa ke Pulau di Hulu Kelantan.¹¹ Sungai juga merupakan sumber air bersih kepada orang tempatan serta pedagang.¹² Dalam konteks orang tempatan, sungai digunakan untuk pengairan terutama bagi sawah padi dan untuk mendapat bekalan ikan air tawar. Bagi pedagang seperti di Lembah Bujang di Kedah, Sungai Merbok digunakan oleh pedagang termasuk dari India untuk membangunkan candi-candi.¹³ Ini mengakibatkan penempatan dalam negeri Melayu tertumpu di tebing-tebing sungai.

Sungai adalah penting sebagai tempat pertemuan orang luar dengan penduduk di negeri Melayu.¹⁴ Penduduk di sini bermaksud orang Melayu tempatan dan orang Asli. Pedagang dan orang asing lain datang ke negeri Melayu melalui jalan laut lalu singgah di kuala-kuala sungai. Hubungan dengan elit politik negeri Melayu yang menjaga ketenteraman negeri dan mengutip cukai, selalunya berlaku di sana. Namun, orang asing mungkin juga memudiki sungai untuk mendapatkan barangan yang diinginkan seperti hasil hutan dan galian terus daripada orang tempatan. Amat penting bagi Sultan atau Raja untuk menguasai kawasan hulu sungai lebih-lebih lagi jika hulu sungai mempunyai hasil hutan atau galian berharga. Ada sarjana berpendapat kerajaan Melayu sukar menguasai kawasan hulu sungai dan ini mempengaruhi skop pengaruh kekuasaan seseorang Sultan atau Raja.¹⁵ Ini dapat dilihat berlaku di Perak dan Pahang. Walau bagaimanapun, sejarah di Terengganu, Perak, Selangor dan Kedah menunjukkan

⁷ R. O. Winstedt (1932), "A History of Johore (1673—ca. 1800)," *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, Jil. 10, Bil. 1, h. 164-310.

⁸ Carl A. Trocki (2000), "Borders and Mapping of the Malay World," Kertas kerja persidangan, Association of Asian Studies Annual Meeting, San Diego, California, 9-12 Mac 2000.

⁹ Pengasas penempatan awal di kalangan orang Minangkabau di kawasan yang dikenali sebagai Negeri Sembilan sekarang, mendiami kawasan lembah sungai yang mengalir di pedalaman dan bukan di kuala-kuala sungai atau tepi pantai. Organisasi politik yang membentuk politi Melayu Negeri Sembilan tidak mengikut kerangka negeri Melayu lain kerana mengikut adat perpatih yang *bottom up* sifatnya sedangkan adat temenggung bersifat *top-down*. Lihat A. Monir Yaacob (1984), "Adat: A Source of Malaysian Law," *Sari*, Jil. 2 Bil. 1, h. 65-79.

¹⁰ S. Jane Allen (1998), "History, Archaeology, and the Question of Foreign Control in Early Historic Period in Peninsular Malaysia," *International Journal of Historical Archaeology*, Jil 2, Bil. 4, h. 261-289.

¹¹ Ishak Shaari (1991), "Keadaan Ekonomi dan Struktur Masyarakat Melayu Kelantan pada Abad ke-19, Masyarakat Melayu Abad ke-19," dalam Saripan (ed.), *Masyarakat Melayu Abad ke 19*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

¹² Allen (1998), "History, Archaeology, and the Question of Foreign Control in Early Historic Period in Peninsular Malaysia," h. 261-289.

¹³ Allen (1998), "History, Archaeology, and the Question of Foreign Control in Early Historic Period in Peninsular Malaysia," h. 261-289.

¹⁴ Allen (1998), "History, Archaeology, and the Question of Foreign Control in Early Historic Period in Peninsular Malaysia," h. 261-289.

¹⁵ Trocki (2000), "Borders and Mapping of the Malay World."

sesuatu yang berbeza. Kekuasaan Sultan atau Raja ditandai atau diukur dengan kebolehan mereka untuk menguasai seberapa banyak lembangan sungai yang menjadi jajahan takluk kepada negeri tersebut.¹⁶

Dalam konteks Negeri Kelantan, Sungai Golok menjadi sempadan di sebelah baratnya. Ia juga berfungsi sebagai sempadan antarabangsa di antara Malaysia dan Thailand. Hal ini diputuskan oleh Perjanjian Inggeris-Siam pada tahun 1909 yang akan diterangkan dengan lebih lanjut. Lembangan Sungai Golok dianggarkan seluas 2175 kilometer persegi, dan kawasan tadahannya terletak di dalam Malaysia dan Thailand.¹⁷ Di sebelah Thailand, ialah Wilayah Narathiwat¹⁸ sementara di sebelah Malaysia ialah Negeri Kelantan.¹⁹

Seperti mana sungai-sungai lain, Sungai Golok mempunyai peranan yang besar kepada penduduk di lembangannya. Sungai Golok menjadi sumber air bersih bagi penduduk tempatan. Ia digunakan untuk mendapatkan bekalan ikan air tawar dan mengairi sawah padi yang kedua-dua belah tebingnya. Sungai Golok memainkan peranan sebagai jalan perhubungan kepada penduduk yang tinggal di lembangannya sama ada di hulu, pertengahan dan hilir lembangan sungai. Ini tidak bermakna mereka hanya bergantung kepada sungai bagi tujuan perhubungan kerana wujud juga laluan darat yang mudah di antara Patani dan Kelantan. Pada musim kemarau, di sebelah hulu Sungai Golok terutamanya, paras air sungai menurun sehingga orang boleh meranduk air dan menyeberang. Dalam konteks perdagangan dan pertukaran, kepentingan Sungai Golok mungkin terserlah dek lombong emas yang terdapat di hulunya. Walau bagaimanapun, disebabkan jarak yang dekat antara Sungai Golok, Sungai Teluban, Sungai Tanjung Mas serta Sungai Pergau yang menjadi cawangan Sungai Kelantan, kegunaan Sungai Golok untuk mengangkut emas keluar dari lombong boleh dipertikaikan.

Apa yang penting ialah wujud hubungan persaudaraan dan kekerabatan yang sangat erat dalam kalangan penduduk yang tinggal di kedua-dua belah tebing Sungai Golok. Tiada halangan geografi yang menyukarkan pergerakan dari Kelantan ke Patani atau sebaliknya. Malah pedagang tempatan dari kedua-dua wilayah bergerak dengan bebas tanpa tertakluk kepada kekangan politik dan peraturan sebelum tahun 1909.

Kedudukan Sempadan Barat Kelantan sebelum 1909

Trocki telah menyebutkan bahawa faktor alam semulajadi seperti hutan belantara, paya dan laut mempengaruhi persempadanan negeri-negeri Melayu pada zaman dahulu. Beliau memberikan contoh pada tahun 1840, apabila Temenggong Johor menguasai kawasan yang dikenali sebagai Negeri Johor pada waktu ini, beliau membahagi-bahagikan kawasan tersebut mengikut lembah sungai.²⁰ Oleh sebab itu Trocki membuat kesimpulan bahawa orang Melayu pada kurun ke-19 menjadikan puncak bukit dan legih sungai sebagai pembahagi kawasan.²¹

Sebelum Perjanjian Inggeris-Siam 1909, sempadan Kelantan di sebelah barat secara tradisinya adalah sebuah bukit bernama Bukit Tanjong. Bukit itu letaknya di dalam Wilayah Narathiwat sekarang dan ia tidak jauh dari bandar Narathiwat, yang juga dikenali dengan nama 'Menara'. Jaraknya dari Takbai²² adalah kira-kira 38 kilometer. Terdapat beberapa buah kampung dari Tabal hinggalah ke Bukit Tanjung antaranya ialah Che Hel, Belawan, Kubu, Kubang Yu dan Sepung. Ini bermaksud kedua-dua belah tebing Sungai Golok dari Kampung Mundok hinggalah ke muara Sungai Golok adalah di bawah kekuasaan Raja Kelantan.

Had sebelah barat Kelantan yang seterusnya pula ialah kawasan tanah tinggi bernama Bukit Kuang, Bukit Kusial, Gunung Belimbing dan Gunung Noring. Ke sebelah barat Bukit Kuang dan Bukit Kusial tersebut ialah sebuah negeri bernama 'Legeh', yang merupakan pecahan dari negeri Patani. Manakala di sebelah barat Gunung Belimbing dan Gunung Noring ialah bahagian hulu Negeri Perak. Berdasarkan

¹⁶ Maziar Mozaffari Falarti (2013), *Malay Kingship in Kedah: Religion, Trade, and Society*, Plymouth: Lexington Books; W. Barrington D'Almeida (1876), "Geography of Perak and Selangor: Geography of Perak and Salangore, and a Brief Sketch of Some of the Adjacent Malay States," *Journal of the Royal Geographical Society*, Jil. XLVI, h. 357-380; Shaharil Talib (1984), *After Its Own Image: The Trengganu Experience, 1881-1941*, Oxford: Oxford University Press.

¹⁷ Malaysia – Thailand Joint Website on the Golok River Basin Information Portal, <http://h2o.water.gov.my/golok/main.html>.

¹⁸ Daerah di dalam Wilayah Narathiwat yang diairi oleh Sungai Golok termasuklah Waeng, Sungai Padi, (Pekan) Sungai Golok dan Takbai.

¹⁹ Jajahan di dalam Negeri Kelantan yang diairi oleh Sungai Golok termasuklah Jeli, Tanah Merah, Pasir Mas dan Tumpat.

²⁰ Rujuk Trocki (2000), "Borders and Mapping of the Malay World."

²¹ Trocki (2000), "Borders and Mapping of the Malay World."

²² Takbai dikenali dengan nama 'Tabal' oleh orang tempatan.

peta yang dilampirkan, kawasan Jedok, Batu Gajah, Ayer Lanas, Jeli dan Batu Melintang adalah di bawah perintah Raja Legeh pada ketika itu. Ringkasnya pada waktu itu, kawasan dari Kampung Mundok ke Kuala Sungai Golok (meliputi kedua-dua belah tebingnya) ialah di bawah kekuasaan raja Kelantan, manakala kawasan di sebelah hulu Sungai Golok dan bahagian hulu Sungai Pergau ialah di bawah kekuasaan raja Legeh.²³

Proses Persempadanan Kelantan-Patani Melalui Perjanjian Inggeris-Siam 1909

Britain telah mula mengembangkan kekuasaannya secara diplomatik ke atas Kelantan yang berada di bawah kekuasaan atau naungan Siam melalui Perjanjian Burney 1826 dan Perjanjian Rahsia British-Siam 1897. Perjanjian Burney 1826 lebih menjurus kepada perlindungan kepentingan perdagangan British di Kelantan sementara Perjanjian Rahsia 1897 pula melarang Siam daripada memajak Negeri-Negeri Melayu di bawah naungannya termasuk Kelantan kepada kuasa asing (terutama Jerman yang menunjuk minat kepada Langkawi dan Kelantan). Jika dibandingkan antara kedua-dua perjanjian di atas, Perjanjian Inggeris-Siam 1909 adalah perjanjian yang mempunyai kesan langsung yang mengubah sempadan Kelantan-Patani.

Ketidakkampuan Siam mengawal hubungan luar Kelantan dan Negeri-Negeri Melayu yang lain menunjukkan Siam semakin hilang kedaulatan ke atas kawasan-kawasan tersebut.²⁴ Ini diakui oleh pegawai-pegawai British yang merundingi Perjanjian 1909 dan Protokol Sempadan yang dilampirkan kepada Perjanjian 1909. Keadaan ini mempengaruhi penderafan teks perjanjian dan protokol sempadan tersebut.

Perkara 1, Perjanjian 1909 memperuntukkan bahawa:

The Siamese government transfers to the British government all rights of suzerainty, protection, administration and control whatsoever which they possess over the states of Kelantan, Tringganu, Kedah, Perlis, and adjacent islands. The frontiers of these territories are defined by the boundary protocol annexed hereto.

(Terjemahan: Kerajaan Siam menyerahkan kepada kerajaan British semua hak kekuasaan, perlindungan, pentadbiran dan kawalan apa sahaja yang mereka miliki ke atas negeri Kelantan, Tringganu, Kedah, Perlis, dan pulau-pulau bersebelahan. Sempadan wilayah-wilayah ini ditentukan oleh protokol sempadan. dilampirkan di sini.)

Kesan daripada peruntukan ini ialah, Siam melepaskan hak dan kedaulatannya ke atas Kelantan selama-lamanya. Namun apa yang lebih relevan, timbul keperluan untuk menggariskan sempadan di antara Patani yang menjadi wilayah Siam dan Kelantan yang menjadi naungan Britain. Perkara 2, Perjanjian 1909 menyatakan satu *Mixed Commission* (Suruhanjaya Bersama) yang dianggotai wakil British dan Siam ditubuhkan untuk menetapkan sempadan daerah atau kawasan baru yang terhasil daripada perjanjian ini.

Kedua-dua pihak (Britain dan Siam) telah memulakan langkah menderaf Protokol Sempadan semenjak tahun 1908 melalui satu Jawatankuasa Khas. Faktor yang dipersetujui dan digunakan untuk membahagi atau menggariskan sempadan ialah legeh dan lembah sungai. Legeh merupakan sumber mata air sungai yang mengalir hingga ke laut. Ia selalunya berada di banjaran atau rabung bukit.

Deraf Awal Protokol Sempadan Perjanjian 1909 memperuntukkan sempadan wilayah Siam dan Britain bermula daripada rabung bukit yang menjadi legeh kepada Sungai Setul dan Sungai Perlis sehingga rabung bukit itu sampai ke pantai.²⁵ Sempadan terus mengikuti rabung-rabung bukit dalam arah timur laut hingga ia sampai ke legeh utama yang menjadi garis pemisah kepada sungai-sungai yang mengalir ke Teluk Siam dan sungai-sungai yang mengalir ke Selat Melaka. Daripada legeh utama ini, sempadan

²³ Rujuk peta di Lampiran 2. Lihat Abdul Razak Mahmud (2015), *Ikhtisar Sejarah Kelantan*, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.

²⁴ Nik Anuar Nik Mahmud (1994), "Sejarah Penggarisan dan Penetapan Sempadan Negeri-negeri Melayu Utara dengan Siam," *Malaysia dari Segi Sejarah*, Jil. 22, Bil. 6, h. 107-133.

²⁵ Rabung bukit tersebut adalah sempadan Negeri Perlis dan Wilayah Satun sekarang. Lihat Nik Anuar (1994), "Sejarah Penggarisan dan Penetapan Sempadan," h. 107-133.

mengambil arah tenggara sehingga sampai ke satu lagi legeh utama yang bernama Lubang Gondang.²⁶ Dari sini, sempadan menuju arah timur di legeh yang melalui titik Bancang Padang, Gunung Angus, Gunung Kenarong dan Gunung Jambal Merah.²⁷ Ini memberikan Lembah Sungai Patani, Telubin dan Tanjung Mas kepada Siam sementara keseluruhan Lembah Sungai Perak kepada Britain.²⁸ Dari Gunung Jambal Merah sempadan menuju legeh utama dalam arah tenggara ke Gunung Tomoh, kemudian ke Selatan, dan seterusnya ke Bukit Ayer Kapa hingga satu legeh yang menjadi sumber Sungai Sengo.²⁹

Dari titik ini, garisan lurus dalam arah timur ke titik yang menjadi pertemuan antara Sungai Pergau dan Sungai Sieweh bawah Kampung Penarait, dari titik di Sungai Pergau ke Bukit Naga, Bukit Langstar, dan Bukit Ayerchina, sempadan digariskan lagi ke arah utara ke kampung yang bernama Tohtor dan terus ke kampung-kampung di tebing (kanan?) Sungai Rangae sehingga Kuala Lanchan.³⁰ Sempadan menyeberang Sungai Rangae ke Bukit Phra, Tlaga Rendang, Kuala Garong dan kemudian terus ke arah barat laut ke Rotan Tower, Kubang Ikan dan ke Bakong Tengga di tebing (kanan?) Sungai Padi, dan terus mengikuti titik terdalam (thalweg) di sepanjang Sungai Padi sehingga bertemu Sungai Menara di Pucho Elong.³¹ Dari titik ini, sempadan digariskan ke utara terus ke pantai timur Semenanjung Tanah Melayu di satu tempat yang bernama Kuala Elong.³²

Deraf Awal Protokol Sempadan Perjanjian 1909 memberikan satu pandangan menarik terhadap sempadan Barat Kelantan. Jika deraf ini “menjadi,” sempadan Patani-Kelantan bukan Sungai Golok tetapi sungai-sungai berikut iaitu sebahagian Sungai Pergau, Sungai Rangae (Legeh), Sungai Padi dan Sungai Menara. Ini bermakna seluruh daerah Tabal sepatutnya menjadi sebahagian Negeri Kelantan dan bahagian utara daerah Jeli menjadi sebahagian Patani.

Deraf ini dikritik oleh pegawai British sendiri kerana bercanggah dengan kaedah yang digunakan untuk menentukan sempadan Kedah (dan Perlis)-Nakhon Si Thammarat³³ dan Perak-Reman. Apa yang lebih penting Deraf tersebut menyebabkan Siam akan mendapat kekuasaan terhadap sumber Sungai Pergau. Maka pegawai British iaitu Sir Anderson mencadangkan sebahagian daripada daerah Legeh di Patani diberikan kepada Kelantan dan sebahagian penjurut barat laut Kelantan diserahkan Siam. Justeru, Sungai Golok menjadi sempadan Kelantan-Patani menurut Deraf Baru Protokol Sempadan yang akhirnya dilampirkan kepada Perjanjian 1909.³⁴

Deraf Baru tidak lagi menyebut Sungai Tanjung Mas kerana ia masuk ke dalam Wilayah Siam. Yang disebut ialah Sungai Tomoh yang mana legehnya menjadi sempadan.³⁵ Maka Sungai Tomoh juga masuk ke dalam Wilayah Siam. Peruntukan yang lain adalah sama kecuali apabila sempadan menuju ke perbatasan Kelantan-Patani. Di sini, legeh kepada Sungai Pergau dan Sungai Tomoh menjadi sempadan sehingga ke punca Sungai Golok berdekatan atau di Bukit Jeli. Dari titik tersebut, sempadan ditentukan dengan mengambil tempat paling dalam Sungai Golok sehinggalah ke laut iaitu di Kuala Tabar.³⁶ Walau bagaimanapun, masalah tidak tamat dengan wujudnya Deraf Baru. Terdapat pertikaian Sempadan Kelantan-Patani iaitu dalam menentukan di manakah bermulanya Sungai Golok. Siam mendakwa punca Sungai Golok ialah di Sungai Lanah yang lebih besar tetapi lebih jauh dari Bukit Jeli. Britain menegaskan punca Sungai Golok ialah Sungai Sat yang lebih kecil tetapi sangat dekat dengan Bukit Jeli. Britain menolak kemahuan Siam dan akhirnya Sungai Sat menjadi garis sempadan Patani-Kelantan.

Keabsahan Aturan Sempadan di bawah Perjanjian 1909 di Sisi Undang-Undang Antarabangsa

Pemakaian Perjanjian 1909 yang memberi natijah kepada sempadan barat Kelantan mempunyai dimensi tersendiri di bawah undang-undang antarabangsa. Persempadanan antara dua buah negara ialah satu perkara yang digarap oleh undang-undang antarabangsa memandangkan undang-undang inilah

²⁶ Nik Anuar (1994), “Sejarah Penggarisan dan Penetapan Sempadan,” h. 117.

²⁷ Nik Anuar (1994), “Sejarah Penggarisan dan Penetapan Sempadan,” h. 117.

²⁸ Nik Anuar (1994), “Sejarah Penggarisan dan Penetapan Sempadan,” h. 117.

²⁹ Nik Anuar (1994), “Sejarah Penggarisan dan Penetapan Sempadan,” h. 117.

³⁰ Nik Anuar (1994), “Sejarah Penggarisan dan Penetapan Sempadan,” h. 117.

³¹ Nik Anuar (1994), “Sejarah Penggarisan dan Penetapan Sempadan,” h. 117.

³² Nik Anuar (1994), “Sejarah Penggarisan dan Penetapan Sempadan,” h. 117.

³³ Letaknya di dalam Wilayah Songkhla sekarang.

³⁴ Nik Anuar (1994), “Sejarah Penggarisan dan Penetapan Sempadan,” h. 112.

³⁵ Nik Anuar (1994), “Sejarah Penggarisan dan Penetapan Sempadan,” h. 119.

³⁶ Nik Anuar (1994), “Sejarah Penggarisan dan Penetapan Sempadan,” h. 119.

yang mengawal selia hubungan antara negara-negara. Persoalan yang mungkin timbul ialah adakah Perjanjian 1909 sah dan masih lagi terpakai kepada Malaysia dan Thailand sedangkan perjanjian tersebut tidak dirundingi dan ditandatangani oleh Pemerintah Kelantan.

Kelantan pernah menjadi sebuah negara berdaulat yang mempunyai hak dan tanggungjawab di sisi undang-undang antarabangsa Akan tetapi sampai bila Kelantan berdaulat sepenuhnya adalah tidak jelas. Perjanjian 1909 menunjukkan seolah-olah Kelantan tidak lagi mempunyai kuasa dalam hal ehwal luarnya sehinggakan Siam boleh membuat keputusan bagi pihak Kelantan dan menyerahkannya kepada Great Britain. Siam juga telah, membuat sempadan baru dengan mengakibatkan tebing barat Sungai Golok menjadi wilayah Siam. Kelantan, menurut persepsi Great Britain ketika itu, hanyalah naungan Siam. Pada tahun 1910, satu perjanjian ditandatangani oleh Kerajaan Great Britain dan Kerajaan Kelantan. Perjanjian ini melarang Kelantan daripada mengadakan hubungan dengan kuasa luar kecuali melalui Great Britain.³⁷ Perjanjian ini juga menetapkan bahawa perhubungan di antara Kerajaan Great Britain dan Kerajaan Kelantan adalah sama seperti perhubungan di antara Kerajaan Siam dan Kerajaan Kelantan.³⁸

Apa yang berlaku sebenarnya tidak semestinya selari dengan apa yang tertera pada teks perjanjian. Kawalan lemah Bangkok ke atas wilayah-wilayah Siam yang jauh di perbatasan termasuk Negeri-Negeri Melayu Utara diakui sendiri oleh pegawai-pegawai Inggeris.³⁹ Kekuatan “cengkaman” Siam juga berbeza-beza di antara Negeri-Negeri tersebut. Contohnya, kawalan ke atas Kedah dan bekas-bekas daerahnya seperti Setul (Satun) dan Perlis lebih terasa jika dibandingkan dengan Terengganu yang dianggap sebagai entiti yang bebas dan berdaulat oleh pegawai-pegawai British sendiri.⁴⁰ Apa yang perlu diperhalusi ialah cengkaman Bangkok ke atas Kelantan adalah lebih lemah daripada Kedah, Setul dan Perlis tetapi ia lebih kuat jika dibandingkan dengan Terengganu.

Pemerintah Negeri-Negeri tersebut termasuk Kelantan mentadbir tanpa banyak gangguan daripada Bangkok sehinggalah halangan yang bertulis muncul dalam bentuk Perjanjian 1910. Dalam kes *Duff Development Co. v Government of Kelantan*,⁴¹ mahkamah England mengiktiraf sendiri bahawa Kelantan ialah sebuah negeri berdaulat dan mempunyai imuniti daripada bidang kuasa mahkamah di England.

Dari perspektif undang-undang antarabangsa, aturan yang dibuat oleh Britain dan Siam mengenai kedaulatan dan persempadanan Negeri-Negeri Melayu utara tetap sah walaupun dibuat tanpa melalui pemerintah Negeri-Negeri tersebut. Aturan ini tetap sah di sisi undang-undang antarabangsa, falsafah perundangan yang diguna pakai di seluruh dunia pada era penjajahan ialah positivism.⁴² Positivism ialah mazhab perundangan yang menolak kepentingan moral dalam menjustifikasi tindakan Negara.⁴³ Apa yang diperlukan hanyalah undang-undang yang sedia ada dan sah, bukan undang-undang yang sepatut dijalankan.⁴⁴ Maka aturan yang dibuat oleh penjajah tetap sah walaupun ia dibuat tanpa persetujuan Negara yang dijajah. Jika timbul keraguan mengenai keabsahan Perjanjian 1909 selepas merdekanya Persekutuan Tanah Melayu kerana perjanjian seperti itu dibuat tanpa kerelaan/persetujuan negara naungan, Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) telah memberikan jawapan dalam kes yang melibatkan Nigeria dan Cameroon.⁴⁵ Dalam kes ini, Nigeria mempertikaikan kesahihan perjanjian antara Britain dan kuasa Eropah lain. Perjanjian ini menyerahkan Semenanjung Bakassi daripada Britain kepada kuasa Eropah lain, tanpa mendapat persetujuan pemerintah Calabar. Bakassi merupakan sebahagian wilayah Calabar yang dinaungi Britain. Calabar kini sebahagian daripada Nigeria namun hasil daripada perjanjian tersebut ialah Bakassi kini menjadi milik Cameroon. ICJ tidak membezakan antara naungan dan koloni dalam konteks penyerahan kedaulatan dan penentuan sempadan.

³⁷ Perkara I, Perjanjian antara Kerajaan Great Britain dan Kerajaan Kelantan 1910.

³⁸ Perkara VIII, Perjanjian antara Kerajaan Great Britain dan Kerajaan Kelantan 1910.

³⁹ Nik Anuar (1994), “Sejarah Penggarisan dan Penetapan Sempadan,” h. 110-111.

⁴⁰ Haniff Ahamat dan Nizamuddin Alias (2018), “The Evolution of the Personality of the Malay Sultanate States,” dalam Ignacio del la Rasilla del Moral dan Ayesha Shahid (ed.), *International Law and Islam*, Leiden: Brill, h. 260-264.

⁴¹ [1924] AC 797.

⁴² Rujuk Antony Anghie (2017), “Finding the Peripheries: Sovereignty and Colonialism in Nineteenth Century International Law,” dalam Gerry Simpson (ed.), *The Nature of International Law*, London: Routledge, h. 437-516.

⁴³ Anghie (2017), “Finding the Peripheries,” h. 437-516.

⁴⁴ Anghie (2017), “Finding the Peripheries,” h. 437-516.

⁴⁵ *Land and Maritime Boundary between Cameroon and Nigeria* [1998] ICJ Rep 275.

Menurut kaedah *State succession*, hak dan tanggungjawab dipindahkan daripada Siam kepada Britain dan apabila Persekutuan Tanah Melayu merdeka pada tahun 1957, ia mewarisi hak dan tanggungjawab dari Britain termasuklah sempadan-sempadan antarabangsa. Kelantan memeterai perjanjian dengan Britain pada tahun 1910 dan menyertai Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948 iaitu dengan termeterainya Perjanjian Pembentukan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun tersebut.

Wajar juga untuk diperhalusi hubungan antara Perjanjian Great Britain-Kelantan 1910 dan Perjanjian Inggeris-Siam 1909. Perjanjian Inggeris-Siam 1909 berlaku sebelum perjanjian yang memuktamadkan status naungan Kelantan. Ini tidak mengusik keabsahan Perjanjian 1909 di sisi undang-undang antarabangsa. Pendekatan undang-undang antarabangsa di era penjajahan berdasarkan fahaman positivisme yang membahagikan dunia kepada dunia bertamadun dan yang tidak bertamadun. Walaupun pendekatan sedemikian tidak lagi diterima pakai kerana konsep yang terpakai kini ialah *equal sovereignty of States*, pada era penjajahan, kuasa penjajah membuat 2 kategori perjanjian; pertama, perjanjian dengan kuasa atau negara yang setaraf dengannya dan kedua, perjanjian dengan *lesser States*. Perjanjian kategori pertama mengandungi klausa mengenai kedaulatan dan penentuan sempadan. Perjanjian Inggeris-Siam 1909 jatuh bawah perjanjian kategori pertama.

Yang terakhir, terdapat satu kaedah di bawah undang-undang antarabangsa yang dipanggil *uti possidetis juris* yang bermaksud negara berdaulat yang baru didirikan mempunyai garis sempadan yang dimiliki negara yang didahuluinya. Oleh yang demikian, garis sempadan yang dipersetujui dalam Perjanjian 1909 adalah garis sempadan Persekutuan Tanah Melayu selepas ia merdeka pada tahun 1957. Apa-apa perubahan tidak boleh dilakukan secara *unilateral* tetapi hanya dengan persetujuan Thailand dan negara-negara lain yang tertakluk kepada perjanjian-perjanjian sempadan yang melibatkan Malaysia. Pelanggaran prinsip *uti possidetis* pernah berlaku seperti penaklukan Goa oleh India tetapi ia akan melibatkan penggunaan kekerasan yang melanggar Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Kesan Persempadanan Kelantan-Patani ke atas Evolusi Politi Tanah Melayu

Sebelum kita melihat kesan yang lebih meluas, penentuan sempadan Kelantan-Patani telah memberikan kesan mendalam kepada Kelantan dalam konteks kehilangan wilayah, sumber dan penduduk. Negeri tersebut hilang daerah Menara di barat Sungai Golok, dan kampung-kampung di dalamnya seperti Kuala Tabal, Pulau Che Him. Golok, Sungai Padi, Mundok, Kayu Kelat, Kampung Tanjung, Kampung Belawan, Layar, Elong, Becah Herong, Jakang, dan Kubang Yu.⁴⁶ Kelantan juga hilang pendapatan sebanyak \$8000 setiap tahun, dan penduduk yang berjumlah sekitar 50,000 orang Melayu yang bukan sahaja berasal dari Kelantan tetapi juga dari Patani, Ligor, Singgora, dan Bendelung yang lari dari pemerintahan Siam.⁴⁷

Dalam konteks yang lebih luas, persempadanan Kelantan-Patani hasil daripada Perjanjian Inggeris-Siam 1909 juga ialah asas kepada sempadan antara Malaysia dan Thailand kini. Timbul trauma pemisahan bangsawan Melayu Patani dan saudara-saudara mereka di Kelantan.⁴⁸ Ini kerana bangsawan Melayu Patani di era akhir Kesultanan Patani adalah bersusur galurkan dinasti Long Yunus dari Kelantan.⁴⁹ Keluarga diraja Patani kini sudah terasing daripada ikatan perkahwinan dan hubungan kekerabatan dengan keluarga diraja Melayu Semenanjung yang lain. Hanya Tengku Budriah, cucunda Sultan Patani terakhir diperisterikan Raja Perlis, dan sempat menjadi Raja Permaisuri Agong daripada tahun 1960 hingga 1965. Selain daripada menjadi sempadan antara Negara, pembentukan sempadan Kelantan-Patani telah membawa kepada perubahan dalam proses pembentukan identiti pemerintahan peribumi Tanah Melayu pasca penjajahan. Identiti ini adalah berasaskan Melayu dan Islam,⁵⁰ sesuatu yang menimbulkan polemik dalam dinamika politik Malaysia. Kedudukan Islam sangat penting dalam evolusi politi Melayu di Asia Tenggara secara keseluruhannya.

⁴⁶ Mustafa Ahmad et al. (2019), "Anglo-Siamese Treaty of 1909: Its Implications on Kelantan's Political and Delineation Status," The European Proceedings of Social & Behavioural Sciences, h. 392; Sa'ad Sukri Haji Muda (1971), *Detik-Detik Sejarah Kelantan*, Kota Bharu: Pustaka Aman Press.

⁴⁷ Mustafa Ahmad et al. (2019), "Anglo-Siamese Treaty of 1909," h. 392.

⁴⁸ Lihat Fadillah Merican (2022), *Son of Patani: A Portrayal of the Life of Tengku Abdul Kadir Kamaruddin, Last Raja of Patani*, Petaling Jaya: Zit Publishing.

⁴⁹ Lihat Mohd Zamberia A. Malek (1995), "Kedatangan Islam dan Bermulanya Pemerintahan Beraja Patani," *Sari*, Jil. 13, h. 17-34.

⁵⁰ Ismail Noor dan Muhammad Azaham (2000), *The Malays Par Excellence. Warts and All. An Introspective*, Selangor: Pelanduk Publications; Nasrudin Mohammed (2004), "The Malay World Polity System: A Brief Introduction," *Journal of Administrative Science*, Jil. 1, Bil. 2, h. 1-24.

Menurut Andaya, Islam tersebar di rantau tersebut secara berfasa. Dalam fasa pertama, pedagang dan ulama⁷ Islam dari Tanah Arab, Parsi dan Benua Kecil India datang ke rantau ini terutama di pesisir Selat Melaka, dan pantai barat Sumatera, dan mengIslamkan kelompok-kelompok kecil masyarakat tempatan.⁵¹ Dalam fasa kedua, dakwah Islam menjadi lebih tersebar dan pemeluk Islam oleh penduduk tempatan menjadi lebih ketara, sehingga apa digelar sebagai “Secondary Conversion of Islam” berlaku.⁵² Perlak di hujung utara pulau Sumatera merupakan kesultanan Islam pertama yang ditubuhkan pada tahun 840 Masehi,⁵³ tetapi ia digantikan oleh Samudera Pasai pada tahun 1292, dan ketika inilah, jumlah penduduk Muslim yang besar telah direkodkan di pantai utara Sumatera dan bermulalah penyebaran Islam oleh politi-politi Melayu di Selat Melaka (dipanggil sebagai Negara-Negara Selat) dan seterusnya ke Brunei, Makasar, dan Tidore and Ternate (fasa kedua penyebaran Islam).⁵⁴ Yang menjadi kuasa utama Negara-Negara Selat ini ialah Melaka. Maka walaupun Kedah diIslamkan sekitar 1100 Masehi, perpaduan Melayu dan Islam dalam nuansa ketamadunan Alam Melayu mempunyai kaitan dengan kedudukan Melaka yang menerima Islam pada tahun 1430an, sebagai agen penyebar agama Islam ke seluruh Nusantara termasuk di kawasan timurnya seperti Makasar.

Dalam konteks Patani pula, sama seperti Kedah, ciri penyebaran Islamnya agak berbeza daripada Melaka. Islam tersebar melalui Pasai, ke Kedah, dan kemudiannya ke Patani dan Kelantan. Tidak mustahil, Islam tersebar di rantau tersebut lebih awal dari Melaka. Namun proses pengIslamkan Raja Patani mengambil masa agak lama, dan adat budaya pra Islam terus dominan dan mencengkam untuk masa yang panjang.⁵⁵ Sementara itu pengIslamkan pemerintah Melaka dan proses penggantian Hindu-Buddha dengan Islam sebagai identiti politi Melayu berlaku dalam tempoh yang singkat. Bagaimanapun, Patani dan Kedah mempunyai situasi yang berbeza. Kedua-dua Negeri mempunyai masyarakat berasaskan pertanian, dan secara geografi dan budayanya dekat dengan Nagara Sri Dharmaraja (juga dikenali sebagai Ligor). Ligor pula adalah “serambi” kepada penyebaran agama Buddha dari Sri Lanka ke Asia Tenggara termasuk Lembah Menam (Thailand sekarang).⁵⁶

Melaka pula terletak di selatan Semenanjung Tanah Melayu. Ketika ia diasaskan oleh Parameswara, ia tidak mempunyai penduduk di kalangan masyarakat tani dan kekal meneruskan tradisi kuasa maritim Sriwijaya.⁵⁷ Palembang-Jambi, entiti Buddha yang mewarisi Sriwijaya sejurus sebelum Melaka diasaskan, telah diasak oleh Majapahit. Ini mewujudkan satu kekosongan kuasa (political vacuum) di selatan Selat Melaka. Apabila Melaka menerima Islam, pemerintah Melaka menerima konsep Raja sebagai *zilullah fi al ardh* (khalifah Allah di muka bumi). Agama yang baru dipeluk itu menjadi wadah melebarkan pengaruh politik dan perdagangan politi Melayu sepanjang Selat Melaka ke Alam Melayu yang lebih luas (Borneo, Jawa, Sulawesi dan selatan Filipina).⁵⁸ Bagaimanapun, ini tidak berlaku di utara Semenanjung.

Perbahasan ini menjelaskan mengapa identiti politi Melayu Semenanjung mempunyai perbezaan dan boleh dipecahkan kepada dua iaitu utara dan selatan. Politi Melayu Semenanjung ‘Utara’ merangkumi Kedah, Patani dan Kelantan dalam satu kelompok dan Politi Melayu Semenanjung ‘Selatan’ yang bersusur galurkan Kesultanan Melayu Melaka dalam kelompok kedua. Politi Melayu waris Melaka ialah Perak, Johor, Pahang, Terengganu dan Selangor, yang dikategorikan dalam penulisan ini sebagai politi Melayu Johor-Riau. Terengganu agak unik kerana Tun Zainal Abidin, raja pertama Terengganu moden adalah anak Bendahara Johor tetapi baginda juga ditabalkan oleh Raja Patani menerusi pemberian keris Nang Chayang.⁵⁹ Hubungan baik antara kedua-dua kelompok politi Melayu itu selepas kejatuhan Melaka ke tangan Portugis pada 1511 agak kurang direkodkan oleh sejarah. Hubungan baik

⁵¹ Leonard Y. Andaya (2022), “The Introduction, Spread and Circulation of Islam up to the Early Colonial Period in Southeast Asia,” dalam Khairudin Aljunied (ed.), *Routledge Handbook of Islam in Southeast Asia*, Oxford: Routledge, h. 16.

⁵² Andaya (2022), “The Introduction, Spread and Circulation of Islam up to the Early Colonial Period in Southeast Asia,” h. 16.

⁵³ Khairudin Aljunied (2019), “Islam in Southeast Asia,” dalam *Oxford Research Encyclopedia of Religion*, Oxford: Oxford University Press, h. 4.

⁵⁴ Andaya (2022), “The Introduction, Spread and Circulation of Islam up to the Early Colonial Period in Southeast Asia,” h. 16-19.

⁵⁵ Andaya (2022), “The Introduction, Spread and Circulation of Islam up to the Early Colonial Period in Southeast Asia,” h. 16-19.

⁵⁶ Lihat Donald K. Swearer (2013), “Buddhism in Southeast Asia,” dalam Joseph Kitagawa (ed.), *The Religious Traditions of Asia*, London: Routledge, h. 127-150.

⁵⁷ Lihat Tomáš Petrů (2018), “A Curious Trajectory of Interracial Relations: the Transformation of Cosmopolitan Malay Port Polities into the Multiethnic Divisions of Modern Malaysia,” *Asian Ethnicity*, Jil. 19, Bil. 1, h. 59-80; Anthony Milner (1982), *Kerajaan: Malay Political Culture on the Eve of Colonial Rule*, Tuscon: University of Arizona Press.

⁵⁸ Andaya (2022), “The Introduction, Spread and Circulation of Islam up to the Early Colonial Period in Southeast Asia,” h. 16-19.

⁵⁹ Lihat Buyong Adil (2021), *Sejarah Terengganu*, Ed. Ke-2, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

bermaksud walaupun hubungan kedua-duanya (Patani dan Johor) ada turun naik, terdapat hubungan organik yang berlangsung di antara kedua-dua belah pihak. Antaranya ialah:

- (i) perkahwinan Sultan Abdul Jalil Syah III dari Johor dengan Raja Kuning puteri Raja Ungu dari Patani, yang berlangsung pada tahun 1632,⁶⁰
- (ii) pertukaran lawatan Sultan Johor ke Patani (1639) dan lawatan balas Raja Patani ke Johor (1641),⁶¹
- (iii) hubungan silang Patani-Johor yang melibatkan Tun Zainal Abidin, Sultan Terengganu yang pertama: baginda ialah anak Bendahara Johor Tun Habib Abdul Majid dan pada masa yang sama adalah anak angkat Raja Patani, dan
- (iv) hubungan Laksamana Tun Abdul Jamil dari Johor dengan Patani: Tun Abdul Jamil yang memimpin Johor mengalahkan Jambi, dikaitkan dengan Patani dalam konteks komplot (tuduhan?) bahawa beliau merancang menjatuhkan Bendahara Johor dengan bantuan orang-orang Patani.⁶² Perjanjian di antara beliau yang mewakili Sultan Johor dan Belanda untuk menyerang Portugis di Melaka juga dimeterai di Patani.⁶³ Beliau juga terbunuh di Terengganu sementara keluarga beliau berada di Patani ketika itu.⁶⁴

Perubahan berlaku kepada kedua-dua politi Melayu apabila British mula meluaskan pengaruh di Asia Tenggara. Politi Melayu Johor-Riau berpecah kepada negeri-negeri Melayu Johor, Pahang, Terengganu dan Selangor yang bebas sehinggalah berlaku campur tangan British. Patani pula dipecahkan oleh Siam kepada 7 negeri kecil iaitu Patani, Jambu, Nong Chik, Reman, Legeh, Jala dan Teluban.⁶⁵ Kelantan berdiri sendiri sejak pemerintahan dinasti Long Yunus yang menaiki takhta pada tahun 1763. Persempadanan Kelantan-Patani melalui Perjanjian Inggeris-Siam 1909 mengasingkan salah satu “kutub” politi Melayu iaitu Patani daripada Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan Tidak Bersekutu yang kemudiannya membentuk Tanah Melayu. Konsep kutub politi Melayu ini selari dengan kedudukan Patani sebagai salah satu pusat terawal Tamadun Melayu dan Islam (the cradle of Malay and Islamic civilisations) di Alam Melayu.⁶⁶ Hanya Kelantan yang mewakili politi Melayu Patani dalam mewarnai identiti Negara baharu Tanah Melayu yang kemudiannya dikenali sebagai Malaya.

Perbezaan Pendekatan oleh Perancis terhadap Siam di Indo-China

Perancis mula menjajah Indo-China iaitu Vietnam, Kemboja dan Laos pada kurun ke-19 walaupun usaha ke arah itu telah bermula lebih awal. Pada tahun 1862, perjanjian Saigon dimeterai antara pemerintah Nguyen Vietnam dan Perancis yang memberi hak kepada Perancis ke atas Saigon dan kawasan-kawasan sekitarnya.⁶⁷ Perjanjian Saigon 1862 menjadi *launching pad* kepada Perancis untuk menjadikan Cochinchina sebagai koloninya, dan Kemboja, Laos, Annam dan Tonkin sebagai naungan-naungannya. Apa yang menarik ialah bagaimana Perancis mengubah sempadan Kemboja dan Siam, dan sempadan Laos dan Siam melalui siri-siri perjanjian sehingga sempadan yang digunakan kini terbentuk.

Konteks perbincangan “evolusi” persempadanan Siam-Kemboja dan Siam-Laos boleh dipecahkan kepada:

- (1) pemasukan Angkor dan Battambang (sempadan Siam-Kemboja), dan
 - (2) sungai Mekong sebagai faktor untuk menentukan garis sempadan Siam-Laos.
- Sebelum kedua-dua konteks ini dibincang, harus diingat Siam sentiasa menganggap Kemboja sebagai *vassal*nya. Perkara yang sama berlaku kepada hubungan antara Siam dan kerajaan-kerajaan kecil Lao iaitu Champassak, Vientiane dan Luang Prabang.

⁶⁰ Stefan Amirell (2011), “The Blessings and Perils of Female Rule: New Perspectives on the Reigning Queens of Patani, c. 1584–1718,” *Journal of Southeast Asian Studies*, Jil. 42, Bil. 2, h. 314.

⁶¹ Mardiana Nordin (2021), “Penguatan Kuasa Melayu: Perkembangan Politik dan Pentadbiran Kesultanan Johor sehingga Abad Ke-18,” *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategy*, Jil. 48, Bil. 2, h. 120.

⁶² Mohd Izwan Izhar Haris et al. (2016), “Hubungan Tradisi Kerajaan Pa’tani Dengan Hujung Tanah (Johor) Melalui Ikatan Perkahwinan dan Perang Dingin,” Kertas kerja, Seminar Institusi Raja (Siraj IV) Hubungan Luar Kesultanan Melayu, 29 September 2016, h. 8.

⁶³ Mardiana (2021), “Penguatan Kuasa Melayu,” h. 121.

⁶⁴ Mohd Izwan et al. (2016), “Hubungan Tradisi Kerajaan Pa’tani,” h. 9.

⁶⁵ Lihat Mohd Zamberia (1995), “Kedatangan Islam,” h. 17-34.


⁶⁶ Lihat Surin Pitsuwan (1982), *Islam and Malay Nationalism: A Case Study of the Malay-Muslims of Southern Thailand*, Cambridge: Harvard University.

⁶⁷ Ronald Bruce St. John (1998), “The Land Boundaries of Indochina: Cambodia, Laos and Vietnam,” *Boundary and Territory Briefing*, Jil. 2, Bil. 6, h. 9.

Dalam konteks Angkor dan Battambang, kedua-dua wilayah ini sentiasa dianggap oleh Siam sebagai wilayahnya, sama seperti Kedah dan Patani yang dianggap sebagai wilayah Siam sedangkan Kelantan dan Terengganu lebih mirip wilayah-wilayah lain Kemboja yang hanya menjadi naungan-naungan biasa. Apabila Perancis membuat perjanjian menjadikan Kemboja naungannya pada tahun 1863, Siam memulakan langkah dengan mengadakan perjanjian rahsia dengan Kemboja.⁶⁸ Pendirian Siam akhirnya dibawa ke meja rundingan dengan Perancis apabila pada tahun 1867, Perancis mengiktiraf kekuasaan Siam ke atas Angkor dan Battambang dengan syarat Siam menggugurkan penaungannya ke atas Kemboja.⁶⁹ Perancis memperkukuhkan kedudukannya dengan membuat satu perjanjian dengan Siam pada tahun 1893 yang melarang Siam daripada membina kubu-kubu di Angkor dan Battambang (sama seperti larangan Inggeris terhadap Kedah di Seberang Perai). Pada tahun 1907, satu perjanjian menentukan sempadan dimeterai antara Siam dan Perancis. Angkor dan Battambang yang dianggap sebagai salah satu pusat terawal ketamadunan Khmer diserahkan kepada Perancis. Ia kini sebahagian Kemboja.

Dalam konteks sempadan Siam-Laos, ekspedisi Raja Chulalongkorn ke Laos dan keseluruhan kawasan puak Tai hingga ke Sungai Hitam di Tonkin (sekarang Vietnam) telah dipintas oleh Perancis yang menghantar Auguste Pavie sebagai Timbalan Konsul di Luang Prabang.⁷⁰ Tindakan Perancis ini menafikan Siam daripada menuntut Tebing Barat Sungai Mekong. Kedudukan Luang Prabang di tebing timur Sungai Mekong dan kawasan yang Siam hilang boleh dilihat pada warna kelabu dalam Rajah 1 di bawah:

Rajah 1: Kedudukan Tebing Barat dan Timur Sungai Mekong dan Wilayah-Wilayah yang Diambil Perancis (Laos) dari Siam (Thailand)



Sumber: St. John (1998)

Jika sempadan Siam dan Laos ketika menjadi naungan Perancis ialah Sungai Mekong, tebing barat Mekong sepatutnya adalah milik Siam sementara tebing timurnya diserahkan kepada Perancis. Ini telah dipersetujui dalam Perjanjian Perancis-Siam 1893. Namun Perjanjian 1907 mengubah keadaan tersebut dengan menyerahkan sebahagian tebing barat Sungai Mekong dalam kawasan Luang Prabang kepada Laos yang dijajah Perancis. Ini bermakna Sungai Mekong tidak dijadikan sempadan di kawasan yang pernah diperintah oleh Kerajaan Luang Prabang manakala Siam kehilangan wilayah yang berada di tebing barat Sungai Mekong yang bersempadan dengan wilayah-wilayah Uttaradit, Nan dan Phayao.

Kedua-dua konteks di atas menunjukkan perbezaan pendekatan di antara British dan Perancis. British lebih berhati-hati daripada mengganggu kuasa Asia seperti Siam sementara Perancis tidak. Apabila Siam tidak mengendahkan permintaan Perancis, kuasa Eropah itu menyerang Siam termasuk dengan

⁶⁸ St. John (1998), "The Land Boundaries of Indochina," h. 9-10.

⁶⁹ St. John (1998), "The Land Boundaries of Indochina," h. 11.

⁷⁰ Lawrence Palmer Briggs (1946), "The Treaty of March 23, 1907 between France and Siam and the Return of Battambang and Angkor to Cambodia," *The Far Eastern Quarterly*, Jil. 5, Bil. 4, h. 445.

menduduki wilayah Chantaburi. Namun, tindakan Perancis itu dilihat dapat menjaga keutuhan tamadun Khmer. Ia juga dilihat mempersatukan wilayah yang mempunyai persamaan demografi dan budaya walaupun faktor sungai dalam menentukan garis sempadan mungkin diketepikan. Dalam konteks Laos, Perancis juga menjaga keutuhan politi Lao pra-penjajahan yang terdiri daripada kerajaan-kerajaan Champasak, Vientiane dan Luang Prabang. Jika Sungai Mekong dijadikan asas persempadanan Thailand dan Laos, politi Luang Prabang sebagai komponen Negara Bangsa Laos kini akan musnah.⁷¹

Perkara yang sama tidak dilakukan oleh British. British tidak menitikberatkan pemersatuan wilayah berdasarkan persamaan demografi dan budaya. British hanya mementingkan faktor geografi ketika menentukan titik sempadan seperti tempat punca sungai (dipanggil air leleh), rabung banjaran dan titik paling dalam pada sungai (thalweg). Ketika menentukan “pembahagian” daerah-daerah Utara Kedah sebelum 1909, ada pegawai British yang menimbulkan isu budaya dan bahasa penduduk setempat namun ia tidak diterima.⁷² Isu ini juga tidak ditimbulkan bagi menentukan kedaulatan ke atas dan sempadan Patani. Patani mempunyai banyak persamaan dengan Kelantan, iaitu bahasa, budaya dan pakaian.⁷³ Patani mempunyai kedudukan signifikan dalam sejarah, tamadun dan budaya Melayu sehinggakan gerakan pemisah di Patani dikaitkan dengan identiti Melayu orang-orang Patani. Apabila Perjanjian 1909 gagal mengambil kira aspek ini, isu Patani kekal menjadi duri dalam daging walaupun isu sempadan antara Malaysia dan Thailand hanya terhad kepada kawasan kecil di Bukit Jeli.

Kesimpulan

Perjanjian Inggeris-Siam 1909 telah mengatur sempadan baru bagi Kelantan dan Patani. Sempadan inilah yang menjadi asas kepada sempadan Malaysia-Thailand pada hari ini. Perjanjian ini tidak mengambil kira kepentingan sungai dalam kehidupan penduduk tempatan. Dalam konteks perjanjian ini, sungai dan *geographical features* yang berkait langsung dengan sungai seperti legih dan lembah hanya dijadikan alat untuk menentukan had kekuasaan penjajah. Perjanjian ini mendatangkan keuntungan wilayah bagi Kelantan kerana punca Sungai Pergau dan sebahagian kawasan tadahan Sungai Golok dimasukkan ke dalam Kelantan. Ini seterusnya membolehkan perhubungan terus jalan darat melalui lembah Sungai Pergau ke Perak. Walau bagaimanapun, Kelantan kehilangan daerah Tabal yang sepatutnya menjadi sebuah lagi jajahan dalam pentadbiran Kelantan sekarang. Ia mendatangkan kesan berpanjangan kepada politi Melayu di Semenanjung Tanah Melayu yang berevolusi sejak dari kejatuhan Kesultanan Melayu Melaka sehinggalah kedatangan British sebagai kuasa yang menjajah Malaysia. Evolusi ini mewujudkan dua entiti politi Melayu di Semenanjung, satu di utara (yang berkutubkan Patani) dan satu lagi di selatan (Johor-Riau). Persempadanan Kelantan-Patani bukan sahaja berkisar mengenai penentuan, pengambilan dan kehilangan wilayah kedua-dua negara (ketika itu) yang kemudiannya menjadi wilayah Malaysia dan Thailand. Lebih daripada itu, peristiwa tersebut telah mengeluarkan Patani daripada ranah politi Melayu Semenanjung. Ini mewujudkan ketidaktentuan tentang letak duduk warisan diraja politi Melayu tersebut pada masa kini. Ia juga seolah-olah menamatkan sumbangan peradaban Melayu Patani kepada kelangsungan Raja-Raja Melayu yang menjadi tunggak kepada sistem pemerintahan raja berperlembagaan di Malaysia. Punca utama naratif ini ialah British. British tidak mengambil kira faktor budaya dan peradaban tempatan dalam membuat penentuan wilayah bagi tanah jajahan mereka. Ini berbeza dengan pendekatan Perancis di Indo-China. Akibatnya, kegagalan British mengikut jejak langkah Perancis, telah menghasilkan akibat tidak diingini iaitu ketidakpuashatian etnik yang mendiami kawasan yang terpecah oleh perjanjian persempadanan tersebut. Ini tidak berlaku di Laos dan Kemboja, yang telah di ‘selamat’kan oleh Perancis.

Rujukan

A. Monir Yaacob (1984), “Adat: A Source of Malaysian Law,” *Sari*, Jil. 2 Bil. 1, 65-79.

Abdul Razak Mahmud (2015), *Ikhtisar Sejarah Kelantan*, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.

⁷¹ Briggs (1946), “The Treaty of March 23, 1907,” h. 445.

⁷² Lihat Nik Anuar (1994), “Sejarah Penggarisan dan Penetapan Sempadan.”

⁷³ Ahmad Amir Abdullah (2010), “Grievances of the Patani Malays in Southern Thailand,” dalam Mohd Azizuddin Mohd Sani, Rie Nakamura dan Shamsuddin L. Tayra (ed.), *Dynamic of Ethnic Relations in Southeast Asia*, Newcastle: Cambridge Scholars Publishing.

Sejarah Persempadanan Kelantan-Patani dan Kesannya kepada Evolusi Politi Melayu Semenanjung
Ahmad Amir Abdullah (2010), "Grievances of the Patani Malays in Southern Thailand," dalam Mohd Azizuddin Mohd Sani, Rie Nakamura dan Shamsuddin L. Tayra (ed.), *Dynamic of Ethnic Relations in Southeast Asia*, Newcastle: Cambridge Scholars Publishing.

Aljunied, Khairudin (2019), "Islam in Southeast Asia," dalam *Oxford Research Encyclopedia of Religion*, Oxford: Oxford University Press.

Allen, S. Jane (1998), "History, Archaeology, and the Question of Foreign Control in Early Historic Period in Peninsular Malaysia," *International Journal of Historical Archaeology*, Jil. 2, Bil. 4, 261-289.

Amirell, Stefan (2011), "The Blessings and Perils of Female Rule: New Perspectives on the Reigning Queens of Patani, c. 1584–1718," *Journal of Southeast Asian Studies*, Jil. 42, Bil. 2, 303-323.

Andaya, Leonard Y. (2022), "The Introduction, Spread and Circulation of Islam up to the Early Colonial Period in Southeast Asia," dalam Khairudin Aljunied (ed.), *Routledge Handbook of Islam in Southeast Asia*, Oxford: Routledge.

Anghie, Antony (2017), "Finding the Peripheries: Sovereignty and Colonialism in Nineteenth Century International Law," dalam Gerry Simpson (ed.), *The Nature of International Law*, London: Routledge, 437-516.

Briggs, Lawrence Palmer (1946), "The Treaty of March 23, 1907 between France and Siam and the Return of Battambang and Angkor to Cambodia," *The Far Eastern Quarterly*, Jil. 5, Bil. 4, 439-454.

Buyong Adil (2021), *Sejarah Terengganu*, Ed. Ke-2, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Chin, James (2020), "Malaysia: the 2020 Putsch for Malay Islam Supremacy," *The Round Table*, Jil. 109, Bil. 3, 288-297.

Coedes, George and Damais, Louis-Charles (1992), *Sriwijaya: History, Religion & Language of an Early Malay Polity*, Kuala Lumpur: Malaysian Branch Royal Asiatic Society.

Collins (t.t.), "polity," <https://www.collinsdictionary.com/dictionary/english/polity>.

D'Almeida, W. Barrington (1876), "Geography of Perak and Selangor: Geography of Perak and Salangore, and a brief sketch of some of the adjacent Malay States," *Journal of the Royal Geographical Society*, Jil. XLVI, 357-380.

Danial Yusof (2021), "Muslims in Malaysia," dalam Ronald Lukens-Bull dan Mark Woodward (ed.), *Handbook of Contemporary Islam and Muslim Lives*, Cham: Springer International Publishing, 575-594.

Dewan Bahasa dan Pustaka (2019), *Kamus Dewan Edisi Ketiga*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Fadillah Merican (2022), *Son of Patani: A Portrayal of the Life of Tengku Abdul Kadir Kamaruddin, Last Raja of Patani*, Petaling Jaya: Zit Publishing.

Falarti, Maziar Mozaffari (2013), *Malay Kingship in Kedah: Religion, Trade, and Society*, Plymouth: Lexington Books.

Haniff Ahamat dan Nizamuddin Alias (2018), "The Evolution of the Personality of the Malay Sultanate States," dalam Ignacio del la Rasilla del Moral dan Ayesha Shahid (ed.), *International Law and Islam*, Leiden: Brill, 260-264.

Harper, Timothy Norman (1999), *The End of Empire and the Making of Malaya*, Cambridge: Cambridge University Press;

Ishak Shaari (1991), "Keadaan Ekonomi dan Struktur Masyarakat Melayu Kelantan pada Abad ke-19, Masyarakat Melayu Abad ke-19," dalam Saripan (ed.), *Masyarakat Melayu Abad ke 19*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ismail Noor dan Muhammad Azaham (2000), *The Malays Par Excellence. Warts and All. An Introspective*. Selangor: Pelanduk Publications.

Malaysia – Thailand Joint Website on the Golok River Basin Information Portal, <http://h2o.water.gov.my/golok/main.html>.

Mardiana Nordin (2021), "Penguatan Kuasa Melayu: Perkembangan Politik dan Pentadbiran Kesultanan Johor sehingga Abad Ke-18," *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategy*, Jil. 48, Bil. 2, 108-137.

Milner, Anthony (1982), *Kerajaan: Malay Political Culture on the Eve of Colonial Rule*, Tuscon: University of Arizona Press.

Milner, Anthony (1987), "Colonial Records History: British Malaya," *Modern Asian Studies*, Jil. 21, Bil. 4, 773-792.

Mohd Izwan Izhar Haris, Mohd Kasturi Nor Abd Aziz, Abdul Rahman Abdul Manaf dan Nor Hudi'in Dany @ Danoo (2016), "Hubungan Tradisi Kerajaan Pa'tani Dengan Hujung Tanah (Johor) Melalui Ikatan Perkahwinan dan Perang Dingin," Kertas kerja, Seminar Institusi Raja (Siraj IV) Hubungan Luar Kesultanan Melayu, 29 September 2016.

Mustafa Ahmad, Azmi Arifin, Farid Mat Zain, Rashidi Pakri dan Siti Aisyah Jasni (2019), "Anglo-Siamese Treaty of 1909: Its Implications on Kelantan's Political and Delineation Status," *The European Proceedings of Social & Behavioural Sciences*, 386-395.

Nasrudin Mohammed (2004), "The Malay World Polity System: A Brief Introduction," *Journal of Administrative Science*, Jil. 1, Bil. 2, 1-24.

Nik Anuar Nik Mahmud (1994), "Sejarah Penggarisan dan Penetapan Sempadan Negeri-negeri Melayu Utara dengan Siam," *Malaysia dari Segi Sejarah*, Jil. 22, Bil. 6, 107-133.

Petrů, Tomáš (2018), "A Curious Trajectory of Interracial Relations: the Transformation of Cosmopolitan Malay Port Polities into the Multiethnic Divisions of Modern Malaysia," *Asian Ethnicity*, Jil. 19, Bil. 1, 59-80.

Pitsuwan, Surin (1982), *Islam and Malay Nationalism: A Case Study of the Malay-Muslims of Southern Thailand*, Cambridge: Harvard University.

Sa'ad Sukri Haji Muda (1971), *Detik-Detik Sejarah Kelantan*, Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
Shaharil Talib (1984), *After Its Own Image: The Trengganu Experience, 1881-1941*, Oxford: Oxford University Press.

St. John, Ronald Bruce (1998), "The Land Boundaries of Indochina: Cambodia, Laos and Vietnam," *Boundary and Territory Briefing*, Jil. 2, Bil. 6.

Swearer, Donald K. (2013), "Buddhism in Southeast Asia," dalam Joseph Kitagawa (ed.), *The Religious Traditions of Asia*, London: Routledge, 127-150.


Treaty between the United Kingdom and Siam, Signed at Bangkok March 10, 1909, Treaty Series No. 19, 1909.

Trocki, Carl A. (2000), "Borders and Mapping of the Malay World," Kertas kerja persidangan, Association of Asian Studies Annual Meeting, San Diego, California, 9-12 Mac 2000.

Sejarah Persempadanan Kelantan-Patani dan Kesannya kepada Evolusi Politi Melayu Semenanjung
Winstedt, R. O. (1932), "A History of Johore (1673—ca. 1800)," *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, Jil. 10, Bil. 1, 164-310.


Zambria A. Malek (1995), "Kedatangan Islam dan Bermulanya Pemerintahan Beraja Patani," *Sari*, Jil. 13, 17-34.

Lampiran 1: Sempadan Kelantan Pada Tahun 1905



Sumber: Abdul Razak Mahmud (2015)⁷⁴

Lampiran 2: Sempadan Baru antara Great Britain dan Siam pada Tahun 1909



Sumber: Perjanjian Inggeris-Siam 1909⁷⁵

⁷⁴ Abdul Razak (2015), *Ikhtisar Sejarah Kelantan*, h. 55.

⁷⁵ Treaty between the United Kingdom and Siam, Signed at Bangkok March 10, 1909, Treaty Series Bil. 19, 1909, h. 9.

